

**METODE DAKWAH ORGANISASI ISLAM (1990-2011) DALAM
PERKEMBANGAN TAMADUN ISLAM DI SELATAN THAILAND**

oleh

ABDULAH UMA

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Julai 2013

**METODE DAKWAH ORGANISASI ISLAM (1990-2011) DALAM
PERKEMBANGAN TAMADUN ISLAM DI SELATAN THAILAND**

ABDULAH UMA

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2013**

PENGAKUAN

Saya mengakui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

17 July 2013

**ABDULAH UMA
P-HD0008/08 (R)**

DECLARATION

I here by declare that the work in this thesis is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledged.

17 July 2013

**ABDULAH UMA
P-HD0008/08 (R)**

PENGHARGAAN

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَتُوْبُ إِلَيْهِ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شَرِّ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا مَن يَهْدِ اللَّهُ فَلَا مُضْلُلٌ لَهُ وَمَن يُضْلِلُ فَلَا هَادِيٌ لَهُ أَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ وَبَعْدٌ

Al-hamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dan segala kepujian hanya kepada Allah pencipta alam, selawat dan salam ke atas nabi Muhammad ﷺ, ahli keluarganya dan para sahabat. Pertama sekali saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada Allah ﷺ kerana dengan taufik dan pertolongan Nya dapat saya selesaikan kajian yang bertajuk “Metode dakwah Organisasi Islam (1990-2011) dalam Perkembangan Tamadun Islam di selatan Thailand” ini, sungguhpun terdapat beberapa kelemahan.

Sekalung ucapan terima kasih dan penghargaan ditujukan khusus buat penyelia utama tesis ini iaitu Dr. Suhaila binti Abdullah yang telah banyak memberikan pandangan, bimbingan ilmiah dan nasihat secara berterusan sehingga saya dapat menyiapkan tesis ini. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia sekali lagi kerana sanggup berkorban tenaga dalam membantu saya.

Ribuan terima kasih juga ditujukan kepada semua pensyarah Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia kerana telah memberikan sokongan secara langsung atau sebaliknya untuk menjayakan kajian ini.

Terima kasih diucapkan kepada tokoh ulama, pimpinan organisasi dakwah Islam, pensyarah Universiti, ustaz-ustaz dan pengasas sekolah agama di selatan Thailand, Tuan guru al-fadil Hj. Abd al-Rahman bin Abd al-Latif Capakia, Dr. Ismail Lutfi Capakia, dan keluarga al-Rahmaniah yang telah mendidik dan memberi kemudahan kepada saya dari sudut ilmu dan sebagainya.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada beberapa orang yang telah banyak memberikan bantuan kerjasama dalam penyelidikan ini, iaitu Dr. Ahmad Umar Japakia, Dr. Suria Saniwa dan Ustaz Syafi'i Baru kerana sudi memberikan idea, maklumat dan tunjuk ajar kepada saya.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih dan penghargaan kepada ayah dan ibu saya yang telah memberikan sumbangan dan bantuan khas kepada saya sehingga saya berjaya mencapai ke peringkat ini. Semoga Allah ﷺ memberikan balasan yang sebaik-baiknya kepada mereka.

Penghargaan juga buat sahabat handai saya yang telah memberikan sumbangan idea, motivasi dan tenaga kepada saya dalam usaha untuk menyiapkan tesis ini.

Akhir sekali setinggi-tinggi penghargaan kepada isteri saya Khaniah binti Ali serta anak-anak yang dikasih Syarfa, Hanifah, Zulfa dan Syarif yang menjadi *qurratu 'aini* di sepanjang pengajian saya di Universiti Sains Malaysia dan penulisan tesis saya ini.

Hanya dengan taufik dan hidayat daripada Allah ﷺ saya dapat menyiapkan tesis dengan baik. Oleh itu, saya memohon kepada Allah ﷺ semoga usaha menghasilkan kajian ini dapat memberi manfaat dan faedah kepada saya sendiri dan kepada umat Islam seluruhnya supaya dapat memahami Islam yang sahih dan hakikat hidup sebenar yang direndai Allah ﷺ. Saya berdoa agar amalan yang baik ini diterima Allah ﷺ sebagai ‘ibadah, insya Allah ﷺ.

Wassalam.

SENARAI KANDUNGAN

Pengakuan	ii
<i>Declaration</i>	iii
Penghargaan	iv
Senarai Kandungan	vi
Senarai Lampiran	xv
Senarai Singkatan	xvii
Senarai Jadual	xviii
Senarai Rajah	xviii
Senarai Transliterasi	xix
Abstrak	xxv
<i>Abstract</i>	xxvi

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Persoalan Kajian	14
1.4 Objektif Kajian	14
1.5 Skop dan Batasan Kajian	15
1.6 Sorotan Literatur	16
1.6.1 Kajian tentang dakwah Islamiah	16
1.6.2 Kajian tentang tamadun Islam	21
1.6.3 Politik tentang politik	24

1.7	Huraian Istilah	28
-----	-----------------	----

BAB 2 METODOLOGI KAJIAN

2.1	Pengenalan	35
2.2	Metode Pengumpulan Data	35
2.2.1	Penyelidikan Perpustakaan	36
2.2.2	Penyelidikan Lapangan	37
2.2.2 (a)	Metode Pengamatan (observasi)	37
2.2.2 (b)	Metode Temubual	38
2.2.2 (c)	Metode Soal Selidik	39
2.2.2 (d)	Kajian Rintis	41
2.2.2 (e)	Kebolehpercayaan Alat Kajian	41
2.3	Metode Penganalisisan Data	43
2.3.1	Metode Induktif	45
2.3.2	Metode Deduktif	45
2.4	Kesimpulan	46

BAB 3 LANDASAN TEORI

3.1	Pengenalan	47
3.2	Dakwah Islamiah	47
3.2.1	Pengertian Dakwah dari Segi Bahasa	48
3.2.2	Pengertian Dakwah Islamiah dari Segi Istilah	52
3.2.3	Hukum Dakwah	54
3.2.4	Asas Dakwah Rasulullah ﷺ	59
3.2.5	Sejarah Dakwah Islamiah	62

3.2.6	Tujuan Dakwah	67
3.2.7	Metode Dakwah Rasulullah ﷺ	69
3.3	Tamadun Islam	77
3.3.1	Pengertian Tamadun	77
3.3.2	Pengertian Tamadun Islam	80
3.3.3	Hubungan Tamadun Dengan Agama	81

BAB 4 LATAR BELAKANG DAKWAH DI SELATAN THAILAND

4.1	Latar belakang Sejarah Selatan Thailand	82
4.1.1	Kerajaan Patani	95
3.3.3	Hubungan Dakwah dengan Perkembangan Tamadun Islam di Selatan Thailand	82
3.3.4	Peranan Ulama Dalam Membina Asas Tamadun Islam dan Budaya Dakwah Islamiah	101
4.2	Tokoh Ulama Terkemuka di Selatan Thailand	102
4.2.1	Haji Sulong al-Fatani (1895-1954M)	102
4.2.2	Syeikh Doktor Ismail Lutfi Japakia (1951M-sekarang)	108
4.2.3	Syeikh Doktor Jihad Muhammad	121
4.3	Tanda-tanda Kemunculan Dakwah Islamiah di Selatan Thailand	127
4.3.1	Semangat perjuangan	127
4.3.2	Pelaksanaan Dakwah Sebelum Tahun 1960M	128
4.3.3	Pelaksanaan Dakwah Zaman selepas tahun 1960-1990M	136
4.3.4	Peranan Pendakwah sebelum Tahun 1990-an	145

**BAB 5 ANALISIS BERKAITAN METODE ORGANISASI ISLAM
DALAM PELAKSANAAN DAKWAH DI SELATAN
THAILAND**

5.1 Pengenalan	154
5.2 Analisis Dokumen, Buku-buku teks dan Temubual Bahagian Kualitatif	155
5.2.1 Hasil Kajian Tentang Faktor Peningkatan Sekolah Agama	155
5.2.1.1 Madrasah al-Rahmaniah Pattani (sekolah agama)	155
5.2.1.1 (a) Pengenalan Madrasah al-Rahmaniah	156
5.2.1.1 (b) Matlamat Penubuhan	157
5.2.1.1 (c) Bentuk Pengajian dan Pendidikan	158
5.2.1.1 (d) Kriteria Guru	160
5.2.1.1 (e) Sistem Pengajian Tradisional	161
5.2.1.1 (f) Sistem Pengajian Persekolahan	161
5.2.1.1 (g) Metode Dakwah Islamiah	163
1) Metode Dakwah Islamiah secara Lisan	163
2) Metode Dakwah Islamiah secara Tulisan	175
3) Metode Dakwah Islamiah <i>bi al-Hal</i>	177
4) Metode melalui Media Massa	179
5) Metode Dakwah Islamiah secara Jama‘ah	182
5.2.1.2 Madrasah al-Islahiah Yala	184
5.2.1.2 (a) Matlamat Penubuhan	184
5.2.1.2 (b) Metode Dakwah Islamiah	185
(i) Metode Dakwah Islamiah secara Lisan	185
(ii) Metode Dakwah Islamiah secara Tulisan	187
(iii) Metode Dakwah Islamiah <i>bi al-Hal</i>	189

5.2.2 Hasil Kajian Tentang Faktor Peningkatan Pendidikan Akademik Islam	191
5.2.2.1 Yala Islamic University	191
5.2.2.1 (a) Sejarah Penubuhan	191
5.2.2.1 (b) Objektif Yala Islamic University	194
5.2.2.1 (c) Metode Pelaksanaan Dakwah	196
(i) Majlis Ilmi di Masjid Yala Islamic University	196
(ii) Metode Dakwah melalui Media Massa	199
(iii) Metode Dakwah Islamiah secara Tulisan	200
(iv) Metode Dakwah Islamiah secara <i>Jemaah</i>	202
5.2.2.2 Fakulti Pengajian Islam Pattani (Songkhla Nakring University)	205
5.2.2.2 (a) Tujuan Penubuhan	206
5.2.2.2 (b) Visi	207
5.2.2.2 (c) Misi	207
4.2.2.2 (d) Metode Pelaksanaan Dakwah	208
(i) Metode Dakwah secara Lisan	208
(ii) Metode Dakwah secara Tulisan	209
(iii) Metode Dakwah secara <i>bilhal</i>	209
(iv) Metode Dakwah melalui Media Massa	210
5.2.3 Hasil Kajian Tentang Faktor Peningkatan Organisasi Islam Tempatan	212
5.2.3.1 Pengenalan	217
5.2.3.2 Majlis Agama Islam Wilayah Pattani	217
5.2.3.2 (a) Visi MAIP	218
5.2.3.2 (b) Misi MAIP	219

5.2.3.2 (c) Metode Dakwah Islamiah MAIP	220
(i) Metode Dakwah secara Lisan	220
(ii) Metode Dakwah secara Tulisan	221
(iii) Metode Dakwah melalui Media Massa	221
5.2.3.3 Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat	222
5.2.3.3 (a) Dasar MAIN	224
5.2.3.3 (b) Tujuan MAIN	225
5.2.3.3 (c) Metode Pelaksanaan Dakwah Islamiah MAIN	228
(i) Metode Dakwah secara Tulisan	228
(ii) Metode Dakwah melalui Media Massa	231
5.2.3.4 Majlis Agama Islam Wilayah Yala	234
5.2.3.4 (a) Tujuan didirikan MAIY	234
5.2.3.4 (b) Visi MAIY	235
5.2.3.4 (c) Misi MAIY	235
5.2.3.4 (d) Peranan MAIY	236
5.2.3.4 (e) Metode Pelaksanaan Dakwah	237
(i) Metode Dakwah secara Tulisan	237
(ii) Metode Dakwah secara Lisan	238
(iii) Metode Dakwah melalui Media Massa	238
5.2.3.5 Jam‘iyah Islah al-Khairiah Pattani	241
5.2.3.5 (a) Tujuan	241
5.2.3.5 (b) Visi	242
5.2.3.5 (c) Misi	242
5.2.3.5 (d) Metode Pelaksanaan Dakwah Islamiah	243
(i) Metode Dakwah secara Lisan	245

(ii) Metode Dakwah <i>Bil hal</i>	245
(iii) Metode Dakwah secara Tulisan	245
(iv) Metode Dakwah melalui Media Massa	246
5.2.3.6 Persatuan Pemuda Muslim Yala	248
5.2.3.6 (a) Tujuan	249
5.2.3.6 (b) Misi	249
5.2.3.6 (c) Konsep	250
5.2.3.6 (d) Pendekatan	250
5.2.3.6 (e) Dasar	251
5.2.3.6 (f) Metode Pelaksanaan Dakwah Islamiah	252
5.3 Analisis Soal Selidik: Bahagian Kuantitatif	256
5.3.1 Demografi Responden	256
5.3.2 Hasil Kajian Faktor Peningkatan Jumlah Sekolah Agama	257
5.3.3 Hasil Kajian Faktor Peningkatan Pendidikan Akademik Islam	264
5.3.4 Hasil Kajian Faktor Peningkatan Organisasi Dakwah Tempatan	270
5.3.5 Hasil Kajian Faktor Peranan Ulama dan Institusi Dakwah Tidak Formal	275
5.3.6 Analisis Tentang Pandangan Responden Mengenai Keberkesanan Metode Pelaksanaan Dakwah secara Lisan	280
5.3.7 Analisis Tentang Pandangan Responden Mengenai Keberkesanan Metode Pelaksanaan Dakwah Islamiah secara Tulisan	283
5.3.8 Analisis Tentang Pandangan Responden Mengenai Keberkesanan Metode Pelaksanaan Dakwah Islamiah melalui <i>bi al-Hal</i>	285

5.3.9	Analisis Tentang Pandangan Responden Mengenai Keberkesanan Metode Pelaksanaan Dakwah Islamiah melalui Media Massa	288
5.3.10	Kesimpulan	290
5.4	Permasalahan Dakwah di selatan Thailand	294
5.4.1	Permasalahan Dalaman	294
5.4.2	Permasalahan Ekonomi	305
BAB 6 RUMUSAN		310
6.1	Pengenalan	310
6.2	Hasil Kajian	308
6.3	Rumusan Kajian	313
6.4	Saranan	321
6.5	Cadangan Lanjutan	322
6.6	Penutup	322
BIBLIOGRAFI		324

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A Borang Soal Selidik (Berstruktur)
- Lampiran B Borang Temubual (Berstruktur)
- Lampiran C Peta Negara Thailand
- Lampiran D Peta Wilayah-wilayah Selatan Thailand
- Lampiran E Gambar Universiti Islam Yala, Pejabat Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat, Pejabat Majlis Agama Islam Wilayah Yala, Pejabat Majlis Agama Islam Wilayah Pattani, Stesen Radio al-Risalah Pattani, Pejabat Jam'iyah Islah Pattani, Masjid 'Abad' al-Rahman (Majlis Ilmi Pattani), Madrasah al-Rahmaniah Pattani
- Lampiran F *Royal Letter of King Rama VI for the Administration of Pattani State-Dated 2 July 1923 (Translation Copy)*
- Lampiran G *The Policy of "Rathanaiyom" (State-ISM)*
- Lampiran H *The Present Structure of Islamic laws in Thailand*
- Lampiran I *The Present Structure of the Pattani Islamic Committee* or Majlis Agama Islam Wilayah Pattani
- Lampiran J Organisasi pentadbiran MAIY
- Lampiran K Organisasi Pentadbiran MAIN
- Lampiran L Struktur Majlis Agama Islam Thailand
- Lampiran M Struktur Majlis Agama Islam Thailand
- Lampiran N Gambar Rajah (Carta Organisasi) Struktur Organisasi Madrasah al-Rahmaniah
- Lampiran O *The Charter of Barisan Nasional Pembebasan Pattani*
- Lampiran P Buku-buku Teks yang dikeluarkan untuk Penyebaran Dakwah Islamiah di Selatan Thailand

SENARAI SINGKATAN

B.	Buddha
Bil	Bilangan
Cet	Cetakan
CH	Changwad (Wilayah)
Dr	Doktor
Ed	Edisi
h.	Hijrah
Hj.	Haji
H	Halaman
Jil	jilid
M.	Masehi
No	Nombor
Prof	Profesor
t.p	Tanpa penerbit
t.t	Tanpa tahun
Terj.	Terjemahan
MAIP	Majlis Agama Islam Wilayah Pattani
MAIN	Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat
MAIY	Majlis Agama Islam Wilayah Yala
YMAT	Young Muslim Association of Thailand
PDI	Persatuan Dakwah Islam

SENARAI JADUAL

	Muka Surat
Jadual 2.1	Nilai <i>Alpha Cronbach</i> Dan Kebolehpercayaan Instrumen
Jadual 5.1	Anggota yang menulis dan menyusun khutbah
Jadual 5.2	Rajah Jadual Siaran Suara Radio
Jadual 5.3	Faktor Jumlah Sekolah Agama
Jadual 5.4	Faktor Pendidikan Akademik Islam
Jadual 5.5	Faktor Organisasi Islam Tempatan
Jadual 5.6	Faktor-Faktor Peranan Ulama dan Institusi Dakwah Tidak Formal
Jadual 5.7	Metode Dakwah Islamiah secara Lisan
Jadual 5.8	Metode Dakwah Islamiah melalui Tulisan
Jadual 5.9	Metode Dakwah Islamiah <i>bi al-Hal</i>
Jadual 5.10	Metode Dakwah Islamiah melalui Media Massa

SENARAI RAJAH

Muka Surat

- | | | |
|-----------|--|----|
| Rajah 2.1 | Perkaitan antara Set Pra Syarat (<i>the set of preconditions</i>)
dengan Set Peristiwa Kejadian (<i>the occurrence</i>) | 44 |
|-----------|--|----|

SENARAI TRANSLITERASI
PEDOMAN TRANSLITERASI HURUF ARAB KE HURUF RUMI

1. Konsonan

Konsonan pada huruf Arab tidak selamanya sepadan dengan konsonan huruf Rumi. Pada beberapa konsonan tertentu, konsonan tersebut boleh dirumikan, tetapi pada beberapa konsonan tertentu, terpaksa dilakukan beberapa tambahan. Hal tersebut dapat dilihat seperti di bawah ini:

Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	-
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	s
ض	d
ط	t

ظ		z
ع		'
غ		qh
ف		f
ق		q
ك		k
ل		l
م		m
ن		n
و		w
ه		h
ء		,
ى		y
ة		t

2. Vokal

Dalam sistem vokal Arab ada vokal pendek, ada vokal panjang dan ada diftong.

1. Pendek

_____a

_____i

_____u

2. Panjang

‘_____a

‘_____i

‘_____u

3. Diftong

‘_____ay

‘_____aw

3. Kaedah Penggunaan Alif (ا), Wau (و) dan Ya' (ي)

Huruf-huruf Arab yang boleh dirumikan bergantung kepada konteks penggunaannya:

- (a) “ا” (alif) dan “و” (wau) sebagai vokal tidak perlu digantikan dengan sebarang huruf Rumi:

Contoh:

أولئك	-	ula’ika
قالوا	-	qalu
جعلوا	-	ja‘alu
اسمعوا	-	isma‘u

- (b) Tanda (-) mewakili vokal *a* panjang yang dimasuki.

Contoh:

ابراهيم	-	Ibrahim
موسي	-	Musa
اسحاق	-	Ishaq
سلیمان	-	Sulayman
عیسی	-	‘Isa

- (c) “ا” (alif) jika digunakan sebagai vokal panjang ditransliterasikan sebagai *a*.

Contoh:

قال	-	qala
قاسم	-	qasim
رضا	-	rida
قاري	-	qari

- (d) Huruf “و” (wau) yang ditransliterasikan sama ada di awal kata, di tengah kata atau di akhir kata ditulis seperti berikut:

Contoh:

di awal:	وَيْلٌ	-	wayl
	وَقْفٌ	-	waqf
di tengah:	حَوْلٌ	-	hawla
	سَوْفَ	-	sawfa
	عُوْضٌ	-	‘iwad
di akhir:	دَلْوٌ	-	dalw
	لَوْ	-	law

- (e) Huruf “و” (wau) yang berfungsi sebagai vokal panjang ditransliterasikan sebagai *u*.

Contoh:

صُورَةٌ	-	surat
سُورَةٌ	-	surah
وَقْوَفٌ	-	wuquf
ذُو	-	dhu
كُلُوْا	-	kulu
قُوْ	-	qu

- (f) Huruf “و” (wau) yang berfungsi sebagai diftong ditransliterasikan sebagai *aw*.

Contoh:

اوی	-	awla
اوحی	-	awha
اوج	-	awj
خوف	-	khawf
نوم	-	nawm
لو	-	law
جو	-	jaw

- (g) Huruf “ي” (ya') ditransliterasikan sebagai *y*.

Contoh:

یوم	-	yawm
یحی	-	yahya
یزید	-	Yazid
ویل	-	wayl
عین	-	'ayn
وھی	-	wahy
قصی	-	qusay

- (h) Huruf “ي” (ya') yang mewakili vokal panjang ditransliterasikan sebagai *i*.

Contoh:

ایمان	-	iman
ایلاء	-	ila'

قیل	-	qil
فیل	-	fil
فی	-	fi
لی	-	li

- (i) Huruf “ي” (ya') yang merupakan sebagai sebahagian daripada diftong ditransliterasikan sebagai *ay*.

Contoh:

اینما	-	aynama
ایمان	-	ayman
قیوم	-	qayyum
ضیع	-	dayi‘
عینی	-	‘aynay
نای	-	nay

- (j) Huruf “ي” (alif maqsurat) yang berfungsi vokal panjang ditransliterasikan sebagai *a*.

Contoh:

عیسی	-	‘Isa
صغری	-	sughra
مأوی	-	ma’wa

“Metode Dakwah Organisasi Islam (1990-2011) dalam Perkembangan Tamadun Islam di Selatan Thailand”

ABSTRAK

Kajian tentang perkembangan tamadun Islam di Selatan Thailand terhadap organisasi-organisasi dakwah dari sudut metode pelaksanaan dakwah ini bertujuan untuk menjawab persoalan 1) Bagaimanakah sejarah kemunculan dan perkembangan organisasi-organisasi dakwah Islamiah di Selatan Thailand? 2) Bagaimanakah organisasi-organisasi agama melaksanakan metode dakwah Islamiah di Selatan Thailand? 3) Apakah permasalahan yang dihadapi oleh pendakwah Islam di Selatan Thailand?”. Bagi menjawab persoalan tersebut, tesis ini menetapkan angkubah bebas empat faktor : 1) metode dakwah faktor sekolah agama; 2) metode dakwah faktor organisasi Islam tempatan dan 3) metode dakwah faktor pendidikan akademik umat Islam, 4) Metode dakwah faktor peranan ulama dan institusi dakwah Tidak Formal dan “metode pelaksanaan dakwah muncul” sebagai angkubah tidak bebas sebagai mendapatkan nilai-nilai ‘kemungkinan’(probability) yang berkaitan dengan bagaimana metode pelaksanaan dakwah muncul. Tesis ini dikendalikan mengikut pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Bagi aspek kuantitatif, persepsi-persepsi tokoh-tokoh alim ulama dan guru-guru sekolah agama dari kawasan wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat (Selatan Thailand) di himpun melalui kaedah temu bual dan soal selidik yang dijalankan ke atas seramai 100 orang. Kaedah-kaedah tersebut digunakan dengan tujuan mendapatkan data primer untuk dianalisis dalam menjawab persoalan kajian ini. Data berbentuk frekuensi diubah kepada peratusan untuk menafsirkan jawapan persoalan tersebut (bagaimanakah metode pelaksanaan dakwah muncul). Hasil kajian ini mendapati bahawa metode pelaksanaan dakwah yang digunakan di Selatan Thailand banyak berkaitan dengan empat faktor peningkatan: pendidikan akademik Islam (94.80%), sekolah agama (91.02%), organisasi Islam tempatan (81.02%), dan peranan ulama dan institusi dakwah tidak formal (86.08%). Manakala dari aspek kualitatif, empat metode pelaksanaan dakwah ditekankan dalam temu bual: 1) lisan; 2) tulisan; 3) *bi al-Hal* dan 3) media massa. Secara amnya, kesemua metode tersebut adalah penting di Selatan Thailand. Metode secara lisan sesuai untuk golongan yang kurang membaca atau buta huruf. Manakala, metode secara tulisan, *bi al-Hal* dan media massa sesuai untuk golongan yang gemar membaca. Secara keseluruhannya, masalah yang lazim dihadapi dalam dakwah adalah kepelbagaiannya tingkah laku dalam setiap budaya, masalah yang dihadapi oleh golongan minoriti Islam Melayu Patani dan ketidakadilan kerajaan Thai terhadap Islam.

**ISLAMIC ORGANIZATIONS METHOD OF DA'WAH (1990-2011) IN THE
DEVELOPMENT OF ISLAMIC CIVILIZATION IN SOUTHERN
THAILAND**

ABSTRACT

This study focused on the development of Islamic civilization in Southern Thailand towards Islamic *da'wah* (propagation) organizations in terms of the implementation of *da'wah* methods which aimed to answer the main questions of 1) How is the history of the emergence and development of Islamic *da'wah* organizations in Southern Thailand? 2) How do religious organizations implement the Islamic *da'wah* method in Southern Thailand? and 3) What are the problems faced by Muslim preachers in South Thailand? To answer these questions, this thesis provided four independent factors (set of preconditions): 1) the increasing of Islamic private schools; 2) the increasing of local Islamic organizations; 3) the increasing of the Muslims academic education, and 4) the *da'wah* methods, factors, roles of Islamic religious scholars and informal *da'wah* organizations. Moreover, the thesis also included method of *da'wah* implementation as the dependent factor in order to find the relation between the probability and method of *da'wah* implementation. The study employed both qualitative and quantitative methods. The quantitative aspect involves measuring the perceptions of Islamic religious scholars and Islamic private schools teachers from the provinces of Pattani, Yala and Narathiwat. This was done through interviews and questionnaires which were carried out on a total of 100 people. The instruments were used to obtain the primary data in order to answer the main questions of this study. The relation between the set of preconditions and the set of occurrence were accounted for analysis in order to get the probability answers of the main questions. Data in the form of frequencies were transformed into percentage to answer the main questions (method of *da'wah* implementation). The findings revealed that the methods of *da'wah* implementation in Southern Thailand are very much related with the increasing of these four factors: the Muslims academic education (94.80%), Islamic private schools (91.02%), local Islamic organizations (81.02%) and the informal roles of *da'wah* scholars and institutions (86.08%). Meanwhile, in terms of the qualitative aspect, four methods of Islamic *da'wah* implementation were emphasized during interview: 1) oral; 2) writing; 3) *bi al-Hal* and 4) mass media. In general, all of those methods were important in Southern Thailand. The oral technique was suitable for the illiterate group, while other techniques such as writing, *bi al-Hal* and mass media were suitable for the literate groups. Overall, the problems of *da'wah* in Patani are due to the diverse attitudes in culture, obstacles faced by the Malay Muslim minority in Patani and the injustice of the Thai government towards Islam.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Tajuk kajian “Metode Dakwah Organisasi Islam (1990-2011) dalam Perkembangan Tamadun Islam di Selatan Thailand” pada umumnya membincangkan dakwah Islamiah di Selatan Thailand. Walau bagaimanapun, kajian khas akan ditumpukan kepada dakwah Islamiah di Patani yang mempunyai tiga Wilayah iaitu Pattani, Narathiwat dan Yala. Kajian ini juga akan membentangkan keadaan agama Islam dan rakyat minoriti Islam Melayu Patani khususnya terhadap usaha mereka dalam menyebar dakwah Islamiah pada masa kini.

Islam adalah agama dakwah, iaitu agama yang menyeru umatnya supaya berdakwah dengan menyebar ajaran Islam kepada umat manusia sebagai rahmat sekalian ‘alam ini. Dakwah adalah satu tugas penting bagi umat Islam yang wajib dilakukan, sebagai menyahut perintah Allah ﷺ kepada sekalian umatnya, sebagaimana firman Allah ﷺ:

وَلْتَكُنْ مِّنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَايُونَ عَنِ
الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya: Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji), dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya (Surah Ali ‘Imran [3]: 104)

Dari ayat ini dapat difahami bahawa dakwah Islamiah adalah satu tugas penting bagi umat Islam yang mesti mereka tunaikan kerana itu adalah satu perintah Allah ﷺ terhadap hamba-Nya supaya menyampaikan ajaran Allah ﷺ kepada setiap hamba sama ada beragama Islam atau bukan Islam.

Agama Islam di Nusantara sudah menjadi agama yang dianuti oleh masyarakat Melayu di kawasan ini. Manakala, kedatangan Islam di kawasan ini adalah melalui peranan pedagang-pedagang Arab, India dan China yang mengambil kesempatan menyebar dakwah Islamiah kepada penduduk di kawasan ini. Pedagang-pedagang itu telah berperanan sebagai pendakwah generasi pertama di Tanah Melayu ini. Sejak perkembangan dan tersebarnya Islam di rantau ini, anak-anak Melayu Patani mula berhijrah ke Tanah Arab untuk mempelajari ilmu agama dan ilmu-ilmu lain. Mereka kemudiannya kembali ke tanah air sebagai pendakwah dan ulama yang bergiat menyebarluaskan dan mengembangkan dakwah Islamiah melalui berbagai-bagai metode pelaksanaan dakwah.¹

Seterusnya, bab ini akan mengupaskan isu-isu penting yang bermula dari permasalahan kajian tentang sejarah kerajaan Patani dan sejarah kedatangan Islam ke Patani. Perbincangan berikutnya diikuti dengan persoalan kajian dan objektif kajian. Selain itu, bab ini turut menerangkan skop sorotan literatur dan batasan kajian serta diakhiri dengan huraian istilah.

¹ Mohd. Lazim Lawi (2003) Sejarah dan Perkembangan Agama Anutan Masyarakat Melayu Patani. Pusat Kebudayaan, Universiti Islam Yala. Hlm. 55-56.

1.2 Permasalahan Kajian

Selatan Thailand merupakan sebahagian kawasan di Thailand yang bersempadan dengan Semenanjung Malaysia. Selatan Thailand terdiri daripada 14 wilayah. Tetapi, yang menjadi sempadan adalah Wilayah Narathiwat, Wilayah Pattani, Wilayah Yala, Wilayah Songkhla dan Wilayah Satun. Majoriti penduduknya adalah terdiri daripada orang Melayu dan beragama Islam yang menetap di sebuah negara yang diperintah oleh kerajaan Buddha.

Penduduk kawasan tiga wilayah sempadan selatan Thai seperti Yala (Jala), Pattani (Petani), dan Narathiwat (Menara) berjumlah hampir 79% selain Cina dan Thai beragama Islam dan beretnik Melayu². Penduduk etnik Melayu di selatan Thai ini berunik identitinya dengan budaya Melayu, bahasa Melayu, dan agama Islam. Etnik Melayu di dalam kawasan ini, walaupun majoriti jumlahnya, mereka dikira sebagai kelompok minoriti di Thailand. Sebenarnya, penduduk etnik Melayu di selatan Thai sangat kuat kepercayaannya dalam agama Islam. Mereka suka kedudukan yang aman dan pergaulan dengan etnik-etnik yang lain dengan bebas dan sentosa di dalam kawasan selatan Thai. Walau bagaimanapun keadaan di selatan Thai sudah berubah menjadi runcing, semenjak kem tentera di Narathiwat and Yala diserang dan alat tentera dirompak daripadanya pada 4 Januar 2004, kekacauan di selatan Thai muncul lebih meningkat. Kejadian yang paling dahsyat dalam 3 wilayah tersebut termasuk permusuhan antara tentera Thai dengan perjuangan Islam di Masjid Geriseh wilayah Pattani yang berjumlah 32 orang dibunuh pada 28 April

² Laporan dari *the National Reconciliation Commission (NRC)*, 2006 : 28.

2004³, dan kezaliman ke atas penduduk Islam Melayu diulangi pada bulan *Romadhon* (bulan puasa) di Balai Polis Takbai⁴ wilayah Narathiwat yang 70 umat Islam dibunuh atas kenderaan pengangkutan tentera dari Takbai ke Kem Tentera Ingkayut Borihan di Pattani pada 25 Oktober 2004. Semenjak itu, tentera-tentera, guru-guru, doktor-doktor medik atau pegawai-pegawai kesihatan dan polis-polis yang bertempat dalam 3 wilayah (Yala, Pattani, and Yala) dan bekerja untuk hubungi rakyat setempat. Mangsa-mangsa tersebut termasuklah rakyat-rakyat yang tidak bersalah seperti sami-sami agama Buza, guru-guru agama Islam, termasuk lelaki-lelaki, perempuan-perempuan, kanak-kanak, dan orang-orang cacat juga turut dibunuh harian. Tambahan, kekacauan ini tidak terhad di dalam 3 wilayah ini saja, juga disebar masuk kedalam daerah-daerah di wilayah Songkhla, wilayah jiran yang berhampiran sempadan Pattani. Hingga penduduk di kawasan ini berada dalam

³ Pada 28 April 2004, pertempuran antara kumpulan pemisah Islam Melayu dengan askar berlaku di masjid Geriseh, wilayah Pattani, 32 orang kumpulan pemisah dibunuh dalam masjid Geriseh selepas 7 jam dalam pertempuran itu berlaku, mereka semua diserang dan dibunuh bersama dengan 80 yang diluar kawasan Geriseh pada hari yang sama. Serangan yang dilakukan itu agak tidak selaras dengan pendirian Menteri Dalam dalam penyelesaian yang diumumkan secara aman, perbuatan itu telah dikritik oleh pihak antarabangsa, kerana pihak tentera selalu menggunakan kekerasan ke atas penduduk Islam di wilayah ini.

⁴ Peristiwa di Balai Polis Tak Bai (wilayah Narathiwat) berlaku pada 25 Oktober, 2004, yang 85 orang Islam Melayu dibunuh. Peristiwa ini berlaku kerana 6 orang dituduh mencuri senjata dan ditangkap oleh polis itu tidak dipersetujui oleh penduduk dalam kawasan itu. Tunjuk perasaan secara besaran timbul untuk melepaskan mangsa 6 orang yang dituduhkan itu. Pihak polis memanggil tentera untuk mengawal keadaan itu. Ada yang melontar anak-anak batu arah ke Balai Polis, pihak keselamatan, menggunakan *tear gas* dan tembakan *machinegun* ke atas mereka yang tunjuk perasaan itu. Beratus orang kampong kebanyakannya lelaki ditangkap. Baju mereka dibuang, tangan diikat kebelakangan, dan badan dan muka rapat ditanah. Pegawai tentera melakukan kekejaman keatas mereka dengan mengguna kasut bot tentera sempak di kepala dan muka keatas mereka sampai pengsan. Sampai waktu petang, yang ditangkap itu dilempar naik keatas lori tentera untuk dibawa ke kem tentera Inkayut Borihan di wilaya Pattani. Mangsa disusun enam lapisan kedalam setiap lori tersebut, diselimut dengan kain getah dibahagian atas, dan ditindih oleh tentera yang berduduk di bahagian atas. Waktu perjalanan 3 jam untuk sampai ke destinasi tersebut, ini menyebabkan ramai mati dalam pengangkutan tentera Mengikut laporan kejadian tunjuk perasaan itu, 7 orang ditembok mati. Yang baki itu dipercayai mati dengan sebab tidak boleh bernafas dan dipukul.

keadaan ketakutan. Pembunuhan dalam kawasan ini sudah menganggu keselamatan bukan saja di wilayah-wilayah sempadan (Yala, Pattani, dan Narathiwat), tetapi keselamatan negara secara umum. Ia merusakkan ekonomi, politik, dan masyarakat. Jiwa rakyat tidak ada keselamatan lagi. Sejak kekacauan berlaku di selatan Thai, penduduk sudah hilang sanat saudara, perdagangan, kebun-kebun dan harta tanah-harta tanah milik. Rakyat yang berkaitan hanya merayu pihak kerajaan untuk menyelesaikan dan menghapuskan masalah-masalah kegawatan dalam kawasan-kawasan ini. Kegawatan-kegawatan di selatan Thai, mengikut Piya Kitthavorn (2007), pensyarah dari Universiti Prince of Songkhla, “kekacauan sejak 4 Januari 2004 sudah mengubah keadaan di selatan Thai dari aman kepada rusuhan, penduduk sudah tidak percaya lagi antara satu sama lain, terutamanya selepas peristiwa yang dua kali berlaku pada 2004 yang beribu orang meninggal harta benda dari 3 wilayah dan merebak kepada wilayah-wilayah yang berdekatan”. Sejak 2004 kekacauan di 3 wilayah selatan Thai sudah mengorbankan sekurang-kurang 4,000 orang. Jumlah kematian ini tidak termasuk mangsa yang sakit, cacat, keluarga berpecah-belah, dan anak yatim dari peristiwa tersebut. Tentang kejadian kekacauan, banyak pertanyaan muncul untuk menyoal tentang bagaimana direksi pada masa akan datang? Beberapa kajian akademik berumusan katanya solusi-solusi dari pihak kerajaan yang lepas dari masa ke semasa adalah kabur. Rakyat menjadi mangsa kerana kumpulan-kumpulan kepentingan ada kaitan dan dapat untung dalam kekacauan-kekacauan (O.K. Nation, 2011). Tambahan, polisi-polisi aman yang sebelum ini diprogramkan untuk menyelesaikan kegawatan dalam 3 wilayah sempadan agak complex dan diubah kedalam berbagai dimensi. Sesetengah pendapat mengatakan penyebab kekacauan itu sedikit banyak ada kena mengena dengan identiti nasionalist kemelayuan dalam

kawasan Melayu Islam yang majoriti ini. Tambahan pula, ada yang mengatakan masalah kegawatan itu berlaku kerana tidak ada kepercayaan antara penduduk Thai Buza dengan Melayu Muslim. Ramai rakyat setempat sudah rasa takut untuk melaporkan hal kejadian kepada pihak kerajaan kerana tidak adanya keselamatan jiwa mereka.

Nilai dari apa yang berlaku, sejak 1899 hingga sekarang, Thailand dibawah Kepimpinan Raja Chulalongkorn (Rama V) menggabungkan *tributary* (yang membayar ufti) negara dan wilayah-wilayah luar kepada sistem *thesaphiban* (perbandaran) pentadbiran wilayah, yang matlamatnya untuk membesarkan kawasan kawalan yang lebih besar darinya. Pada 1901 Siam mencantumkan semula tujuh wilayah kawasan Patani kepada satu unit pentadbiran dipanggil *boriween chet huamuang* (kawasan tujuh bandar/wilayah) dan terletak dibawah kawalan *khaluang boriween* (kawasan pesuruhjaya) yang bertanggungjawab secara direk keatas kementerian dalam. Ufti tak perlu dibayarkan lagi, walaubagaimanapun perbendaharaan wilayah-wilayah penduduk Melayu dikawal oleh *Revenue Department* (jabatan hasil) sama dengan wilayah-wilayah Siamese lain-lain. Pada 1906 kawasan tujuh wilayah Melayu dicantumkan semula sebagai ‘circle’ (*monthon*) dipanggil *Monthon Patani*. *Monthon Patani* ini menggabungkan dari tujuh wilayah ini kepada empat wilayah yang lebih besar: Pattani, Bangnara, Saiburi, dan Yala (Bangnara dirasmikan panggilannya sebagai wilayah Narathiwat pada 10 Jun 1942 dan Saiburi diubah dan dicantum masuk kedalam wilayah Pattani pada 16 Februari 1931). Daerah Kedah juga dicantumkan di bawah naungan Siamese dan dinamakan wilayah Satun. Kedah, walaubagaimanapun, dibelah dan serah kepada England

bersama dengan Perlis, Kelantan, dan Trengganu mengikut perjanjian Anglo-Siamese Treaty yang ditandatangani pada Mac 1909.

Kawasan pentadbiran terbaru ini pula secara automatik memaksa raja-raja Melayu dan golongan elit tempatan untuk menerima kuasa Siam. Apabila Great Britain mengenali kuasa berdaulat Siam keatas kawasan ini pada 1909, kerajaan beraja Patani kian dikawal oleh Siam dalam bentuk sama dengan negara-negara dalam Asia, Afrika, dan Latin America yang dijajah oleh kuasa besar dalam abad ke 19 dan ke 20.

Walaubagaimanapun, tujuh wilayah Melayu (*khaek chet huamuang*) yang dikawal tersebut tidak senang hati dibawah jajahan Siam. Kerana Saim sedang menguatkan kuasa yang lebih kelulusan keatas kawasan-kawasan orang Melayu untuk keselamatan apa yang disebut *the Kingdom's loyalty* (Kesetiaan Kerajaan Beraja) dan mengusahakan yang lebih effektif keatas hasil dalam negeri dan sumber-sumber kekayaan manpower⁵.

Apabila kementerian dalam negeri (*mahatthai*) mengeluarkan *the 'Regulations Concerning the Administration of the Area of the Seven Provinces'* (undang-undang yang berkaitan dengan pentadbiran tujuh wilayah), dan raja-raja tempatan (*chaomuang*) akan digantikan oleh raja-raja yang pelantikan Saim, raja-raja Melayu tersebut berpaling diri kearah kawan-kawan yang berkuturan Melayu dibawah jajahan British untuk mohon pertolongan dari mereka. Pada 1901, Tengku Abdul Kadir Qamaruddin, Raja Patani, merayu kepada Sir Frank Swettenham,

⁵ Bunnag, Tej. (1977) *The provincial administration of Siam 1892-1915*. London: Oxford University Press. Hlm.137

Gabenor British *the Straits Settlements* (penyelesaian selat) dalam Singapura, supaya menghalangkan dalam ketidakpuasan hati penduduk di Patani. Walaubagaimanapun, London memilih ketidakmasuk campur polisi dalam negeri Siam tentang Patani. Kerana segala campur tangan dari British akan menghilangkan pudar peranan Siam yang kedudukan sebagai negara penampang (*buffer state*) antara French Indo-China dan British India. Selain itu, British sudah merancangkan untuk memasuki negeri-negeri Melayu seperti Kedah, Trengganu, Kelantan, dan Perlis untuk berada dibawah kuasanya, yang sebelum ini tidak bebas dibawah Siam⁶. Kerana British kebiasaananya tidak mahu memusuhi Siam tentang urusan Patani.

Walaubagaimanapun, raja-raja Melayu yang gagal dapat pertolongan dari Britain tidak menakutkan pemimpin-pemimpin Patani untuk menentang perancangan memasukkan kawasan tujuh wilayah kebawah pemerintahan Siam oleh Menteri Dalam. Penentangan perancangan tersebut dicampurtangan oleh Tengku Abdul Kadir Qamaruddin, yang berusaha untuk menu buhkan pergerakan-pergerakan yang menentang kuasa Siam dalam kawasan tujuh wilayah ini⁷.

Penentang Islam Melayu terhadap usaha integrasi Thai gagal, walaubagaimanapun, Tuan Tengah Shamsuddin, Raja Legeh (Ra-ngae), digulingkan dari kedudukannya pada 1901 dan dibuang negeri pindah ke Songkhla. Pembuangan negeri raja-raja yang lain, juga diikutinya tetapi berlaku pada 1902, walaubagaimanapun, raja-raja tersebut diberi pencen yang kekal sebagai pemampasan. Semua fungsi bersangkut dengan kawasan tujuh wilayah ini dipindah

⁶ Pitsuwan, Surin(1985) *Islam and Malay Nationalism: a case study of the Malay-Muslims of Southern Thailand*. Thammasat University: Thai Khadi Research Institute. Hlm. 31.

⁷ *Ibid.* Hlm.51.

secara berperingkat ke bawah kerajaan Thai.⁸ Budaya negara yang menghantarkan *Bunga Mas* kepada raja Siam setiap dua tahun setengah untuk membuktikan royalti sudah tak perlu lagi kerana wilayah-wilayah penduduk Melayu sudah dicantum masuk kedalam empat wilayah selatan Thai.

Pada 1903, Tengku Abdul Kadir Qamaruddin, Raja Patani, telah ditahan dan dihantar kepenjara dalam wilayah Phitsanulok. Beliau dibebas selepas 33 bulan dalam penjara dan diarah menahan diri dari politik. Tuan Tengah pula dapat permit untuk balik ke Ra-ngae selepas mengadakan perjanjian untuk menurut perundangan kerajaan ‘Regulations’.⁹ Walaubagaimanapun, Tengku Abdul Kadir Qamaruddin dan pengikut-pengikutnya mengurus untuk menu buhkan benteng pergerakan-pergerakan untuk menentang pihak kerajaan di dalam kawasan ini.

Selain dari perubahan politik kawasan tujuh wilayah dari majlis perbandaran yang membayar ufti kepada wilayah-wilayah Thai yang biasa, apa yang sangat penting adalah integrasi yang diambil alih oleh Bangkok yang menggantikan undang-undang *sharia* dan *adat* dengan memasukkannya kedalam undang-undang Thai, kecuali perkara yang berkaitan dengan pernikahan dan harta pusaka¹⁰.

Sejak awal tahun 2004M, beberapa insiden rusuhan dan kekecohan telah melanda Selatan Thailand, terutama sekali di wilayah-wilayah Narathiwat, Yala dan Pattani. Kawasan-kawasan ini didiami oleh majoriti penduduk Melayu Islam dan

⁸ Haemindra, Nantawan (1976) The Problem of the Thai-Muslims in Four Southern Provinces of Thailand, Part 1, *Journal of Southeast Asian Studies*, 7(2): 197-225. Hlm. 203.

⁹ *Ibid.*

¹⁰ Geertz, Clifford (1968) *Islam Observed: Religious Development in Morocco and Indonesia*. Chicago: University of Chicago Press. Hlm. 111.

aktiviti gerakan pemisah telah aktif sejak tahun 80an. Gerakan pemisah ini yang terdiri daripada penduduk-penduduk di sini merasakan kurang senang hati dengan reaksi keras kerajaan pusat terhadap aktiviti gerakan pemisah tersebut. Kebanyakan mereka juga tidak puas hati dengan beberapa polisi kerajaan pusat yang memperlakukan mereka dengan cara tidak adil berbanding kaum etnik Thai.

Ramai penduduk Islam Melayu dalam kawasan wilayah Selatan Thailand termasuk ‘alim ulama yang tidak berdosa dibunuh. Pada tahun 2004M, berikutan ramai mangsa yang tidak berdosa dibunuh dan sekolah-sekolah agama Islam dikepong askar-askar Thailand, pada 24 Februari 2004M, pihak Majlis Agama Islam dari tiga wilayah bersepakat sebulat suara untuk tidak memberi kerjasama dengan pihak kerajaan Thailand.¹¹

Pada 28 April 2004M, pertempuran berlaku antara militan Islam Pattani dan pihak askar kerajaan Thai di Masjid Geriseh. Mayat seramai 32 orang yang terkorban dalam pertempuran itu dikebumikan oleh pihak Majlis Agama Islam sebagai *shuhada’*. Perbuatan ini menunjukkan bahawa pihak Majlis Agama Islam mengakui bahawa militan itu *shuhada’* bukan penganas sepertimana yang dituduh oleh pihak kerajaan Thailand.¹² Pada 26 Oktober 2004M, 78 orang telah meninggal dunia akibat kesesakan nafas setelah kesemuanya dimasukkan dan dimuatkan ke dalam trak askar

¹¹ Wan Mahmood (2007). *Op.cit.* Hlm. 96.

¹² *Ibid.* Hlm. 97.

akibat ditangkap atas tuduhan rusuhan di daerah tersebut dan sekelilingnya.¹³ Pada 7 November 2004M, Menteri Pertahanan Thai mengatakan bahawa lebih kurang 700 orang telah tercedera atau terkorban akibat kekacauan yang berlaku di Selatan Thailand sejak Januari 2004M.¹⁴ Pada masa tersebut organisasi-organisasi dakwah Islamiah tidak berdiam diri dalam usaha untuk kerjasama dalam menyelesaikan suasana buruk yang sering berlaku di Selatan Thailand. Dalam usaha penyebaran dakwah Islamiah oleh organisasi dakwah di selatan Thailand, ia disekat oleh pihak kerajaan Thailand dengan cara tidak langsung seperti tidak memperluaskan pensijilan rasmi baru bagi organisasi dakwah, tidak membuka peluang yang baik bagi umat Islam Selatan Thailand untuk menyambung pelajarannya di peringkat tinggi dan lain-lain.

Berdasarkan maklumat sejarah dapat dikatakan bahawa secara jelasnya kedatangan Islam di Patani atau kawasan selatan Thailand belum ditetapkan oleh pihak ahli sejarah kerana mereka belum bersepakat mengenai tarikh dan cara kedatangan Islam di kawasan ini. Walau bagaimanapun, pihak ahli sejarah sepakat mengatakan bahawa Patani adalah kawasan pertama menerima kedatangan Islam di kawasan ini. Justeru itu, Islam di Patani ini perlu ditinjau dari sudut penyebaran dakwah Islamiah di Asia Tenggara.¹⁵

¹³ Suria Saniwa (2007) Kan mung kelum chatpan: korani seksa chau thai Muslim chue sai Melayu nai sam chanwad chai deen pak tai (Terjemahan: Politik etnik Melayu: Suatu kajian terhadap Muslim Melayu di tiga wilayah Selatan Thailand). Pusat Kebudayaan, Universiti Islam Yala. Hlm. 53-54.

¹⁴ *Ibid.* Hlm. 54.

¹⁵ Ahmad Omar Chapakia (2000) Politik Thai dan masyarakat Islam di Selatan Thailand. Kedah Darul Aman: Pustaka Darussalam. Hlm. 6.

Perkembangan Islam khususnya di Patani didukungi oleh gerakan-gerakan dakwah yang dipelopori oleh ulama Patani sendiri. Gerakan-gerakan dakwah di Patani yang wujud terbahagi kepada dua pendekatan. Gerakan pertama bersifat menyebar dakwah Islamiah dan memperkuatkan Islam kepada masyarakat Patani seperti organisasi-organisasi dakwah dan institusi pengajian. Gerakan yang kedua, dakwah yang bertujuan untuk membebaskan Patani daripada pihak pemerintahan Siam atau bertujuan memerdekaan Patani atau wilayah Selatan Thailand.

Secara umumnya, isu yang berlaku di Selatan Thailand terutama di masa kebelakangan ini sangat merusut, umat Melayu Islam Selatan Thailand dalam suasana tertekan. Walaubagaimanapun penyebaran dakwah Islamiah di Selatan Thailand berjalan terus dengan hasrat dan semangat Islam sebahagian besarnya adalah dijalankan oleh organisasi-organisasi Islam yang bekerja untuk menyebarkan Islam dalam kalangan penduduk secara persendirian mengikut program dan metode yang disediakan oleh pendakwah di organisasi itu sendiri. Ia tidak berkaitan dengan usaha dan aktiviti yang dijalankan secara kerjasama antara satu sama lain.

Berdasarkan kepada maklumat dalam kenyataan di atas, terdapat keperluan untuk mengkaji bagaimana organisasi-organisasi dakwah Islamiah di Patani dilaksanakan khususnya dari segi bentuk metode pelaksanaan dakwah itu. Kajian ini meninjau organisasi-organisasi dakwah Islamiah dalam kalangan generasi baru pada masa kini termasuk badan pergerakan dakwah Islamiah seperti badan dakwah di bawah naungan Majlis Agama Islam Wilayah, badan dakwah di bawah naungan Yala Islamic University, badan dakwah di bawah naungan madrasah terkemuka, badan

dakwah di bawah naungan Fakulti Pengajian Islam, University Songkla Nakring Pattani. Semua organisasi ini bertujuan untuk menerapkan kembali misi dakwah Islamiah yang disebarluaskan oleh masyarakat sejak zaman silam sebagai strategi dakwah dalam kalangan generasi baru masa kini.

Kesimpulannya, pertumbuhan dakwah Islamiah di Selatan Thailand banyak terlibat dalam kegiatan politik untuk membantu umat Islam di empat wilayah ini. Kajian ini sangat penting kerana ia akan mengkaji beberapa perkara yang belum dikaji sebelum ini seperti sejarah kemunculan dan perkembangan organisasi-organisasi dakwah Islamiah di Selatan Thailand, organisasi-organisasi agama yang melaksanakan dakwah Islamiah dan metode pelaksanaan organisasi-organisasi dakwah tersebut.

Kajian ini akan mengupas tiga soalan utama. Untuk menjawab persoalan ini, kajian ini akan menemu bual alim-alim ulama dan menjalankan kaji selidik ke atas ketua-ketua agama Islam yang berlokasi di wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat sejumlah 100 orang.

1.3 Persoalan Kajian

Dalam kajian ini terdapat beberapa soalan kajian yang perlu diperolehi jawapannya untuk memenuhi matlamat dan tujuan. Di antara persoalan yang berkaitan adalah seperti berikut:

- 1) Bagaimakah sejarah kemunculan dan perkembangan organisasi-organisasi dakwah Islamiah di Selatan Thailand?
- 2) Bagaimakah organisasi-organisasi agama melaksanakan metode dakwah Islamiah di Selatan Thailand?
- 3) Apakah permasalahan yang dihadapi oleh pendakwah Islam di Selatan Thailand.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut :

- 1) Mengkaji sejarah kemunculan dan perkembangan organisasi-organisasi dakwah Islamiah di Selatan Thailand.
- 2) Mengkaji metode pelaksanaan dakwah Islamiah dalam organisasi-organisasi dakwah di Selatan Thailand.
- 3) Mengkaji permasalahan yang dihadapi oleh pendakwah Islam di Selatan Thailand.

1.5 Skop dan Batasan Kajian

Berdasar tajuk kajian ini (Metode Dakwah Organisasi Islam (1990-2011) dalam Perkembangan Tamadun Islam di Selatan Thailand), pengkaji membahagikannya kepada tiga skop kajian.

Skop pertama ialah sudut masa iaitu kajian ini hanya memfokuskan kepada pelaksanaan dakwah antara tahun 1990-2011M. Hal ini adalah disebabkan sejarah dan keadaan pada masa tersebut yang menyaksikan umat Melayu Islam Patani hidup dalam keadaan menderita. Walau bagaimanapun, umat Islam Patani tetap mendirikan organisasi-organisasi dakwah Islamiah dan menyebarkan syiar Islam dengan berbagai-bagi bentuk metode, termasuklah dakwah dengan menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Thai.

Skop kedua adalah melibatkan lokasi kajian. Memandangkan perkembangan dakwah Islamiah sangat luas di Selatan Thailand ini, maka kajian ini hanya melibatkan kawasan di Patani sahaja yang merangkumi wilayah Pattani (dua “t”), Yala, Narathiwat dan sebahagian daripada Songkla iaitu daerah Thepha, daerah Sabayoi, daerah Chana dan daerah Nathawi. Walau bagaimanapun, disebabkan kawasannya sangat luas, maka pengkaji hanya akan menumpukan kajian ini kepada tiga wilayah iaitu di kawasan Pattani, Yala dan Narathiwat.

Skop ketiga adalah berkaitan faktor-faktor yang ditumpukan dalam kajian ini seperti 1) metode dakwah faktor sekolah agama, 2) metode dakwah faktor organisasi Islam tempatan, 3) metode dakwah faktor pendidikan akademik umat Islam, dan 4) metode dakwah faktor peranan ulama dan organisasi tidak formal.

1.6 Sorotan Literatur

Ruangan ini membicarakan sorotan literatur dan tinjauan kajian lalu yang berkaitan tentang tamadun Islam dan tentang dakwah Islamiah di Selatan Thailand. Di antaranya ialah :

1.6.1 Kajian tentang dakwah Islamiah

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menumpukan kepada kajian-kajian lepas, yang ada hubung kait dengan pembahasan ini. Di antara kajian yang dirujuk termasuklah kajian tentang dakwah Islamiah di Thailand sebagai berikut :

- 1) Kajian yang pertama, kajian tentang dakwah Islamiah di Thailand dan peranan umat Islam yang bertajuk “*al-Da’wah al-Islāmiah fīThailand wa juhūd al-muslimīn fī sabīlihā*” oleh Abdul Nasir Ahmad Maha (1998M). Karangan beliau merupakan kajian pada peringkat Ijazah Sarjana yang disiapkan pada tahun 1998M di Universiti al-Jamahiriah al-Arabiah al-Libiah. Kajian beliau juga berkaitan dengan dakwah Islamiah di Thailand dan kemasukan Islam di Semenanjung Tanah Melayu. Di samping itu, beliau menekankan kepentingan dalam menyebar dakwah Islam termasuk peranan umat Islam yang berdakwah di Thailand, tokoh-tokoh ulama terkemuka di Thailand dan pergolakan politik umat Islam antara kerajaan Thailand

dan umat Islam di Patani. Kajian beliau merumuskan bahawa permasalahan ekonomi dan masyarakat itu sebagai cabaran dalam tugasannya dakwah Islamiah di Thailand.¹⁶

2) Terdapat kajian tentang dakwah Islamiah di Malaysia yang bertajuk “Dakwah Islam di Malaysia” oleh Prof.Dr Abdul Aziz Mohd Zin (2006M). Kajian beliau cuba melihat perkembangan dakwah di Malaysia dan sejauhmanakah pelaksanaan dakwah institusi dakwah yang ada di Malaysia mencapai hasrat dan objektif dakwah. Kajiang beliau juga bergerak dengan menitikbaratkan tentang perkembangan dan aktiviti dakwah di Malaysia, bentuk aktiviti dakwah yang dijalankan oleh institusi dakwah yang terlibat dan menekan tentang metode dakwah bagi institusi dan organisasi dakwah di Malaysia.¹⁷ Walau bagaimanapun, dalam kajian beliau tidak menyentuh tentang organisasi-organisasi dakwah di selatan Thailand dari sudut metode dalam pelaksanaan dakwahnya.

3) Sementara itu, terdapat kajian oleh Noordin Abdullah Dagorha (1998M) yang telah membuat kajian peringkat sarjana tentang dakwah Islamiah di Selatan Thailand di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada 1998M berjudul “Dakwah Islamiah di Selatan Thailand: Suatu Kajian Tentang Perkembangannya Antara 1960-1990M”. Dalam kajian ini, Noordin menitik berat tentang perkembangan dakwah Islamiah berbentuk pondok dan sekolah agama di Selatan Thailand zaman sebelum 1960M. Beliau menyebut tentang tokoh-tokoh ulama terkemuka dan kesan dakwah Islamiah pada zaman sebelum tahun 1960M

¹⁶ Abdul Nasir Ahmad Maha (1998) Al-dakwah al-Islamiah fi Thailand wa juhudu al-Muslimin fi sabiliha. Libya: Universiti al-Jamahiriah al-Arabiah al-Libiah. Hlm.327-330.

¹⁷ Abdul Aziz Mohd Zin (2006) Dakwah Islam di Malaysia. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.Hlm.ix-x.

dengan menekankan kemunculan, peranan, sumbangan dan sambutan masyarakat Melayu di Selatan Thailand pada 1960-1991M.¹⁸ Walau bagaimanapun, kajian tersebut juga tidak mengupaskan tentang organisasi-organisasi dakwah di Patani dari sudut metode pelaksanaan dakwah.

4) Sementara itu, Abdul Ramae Sulung pula telah membuat kajian pada peringkat Ijazah Sarjana bidang Pengajian Islam tentang peranan Tok guru Haji Wan Idris bin Haji Wan Ali di Patani pada tahun 2003M bertajuk “*Roles of Tok Guru: A Case Study of Tok Guru Haji Wan Idris Bin Haji Wan Ali*” di Universiti Prince of Songkhla (dalam bahasa Thai). Tesis beliau secara umumnya membincangkan tentang peranan Haji Wan Idris bin Haji Wan Ali sebagai seorang tokoh ulama pada tahun 1969-1995M. Di antara perkara yang dibincangkan dalam kajian beliau ialah sejarah Haji Wan Idris dan peranan Tok Guru Haji Wan Idris dalam pendidikan, masyarakat, ekonomi dan politik di Selatan Thailand. Beliau menjelaskan sumbangan-sumbangan dalam bidang agama dan pelajaran. Beliau lebih banyak menyentuh tentang suasana di Selatan Thailand khususnya dan keseluruhan Thailand secara umumnya, sama ada dari sudut kemasyarakatan, politik, pelajaran dan ekonomi. Abdul Rahman banyak menyentuh tentang sistem pengajian di pondok dan sistem Tok Guru yang mengawal anak-anak muridnya.¹⁹ Walau bagaimanapun, dalam kajian ini beliau juga tidak menyentuh tentang organisasi-organisasi dakwah di Patani dari sudut metode dalam pelaksanaan dakwahnya.

¹⁸ Noordin Abdullah Dagorha (1998) Dakwah Islamiah di Selatan Thailand: Suatu kajian tentang perkembangannya antara 1960-1990. Tesis Sarjana, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Hlm. 318-320.

¹⁹ Abdul Ramae Sulung (2003) Roles of tok guru: A case study of tok guru Haji Wan Idris Bin Haji Wan Ali. M.A. thesis, Faculty of Islamic Studies, Prince of Songkhla University, Pattani. Pp. 98-101.

5) Kajian yang berikutnya ditulis oleh Muhammad Lazim Lawi dari Universiti Putra Malaysia (1999). Tesis Doktor Falsafah beliau adalah tentang sejarah dan perkembangan agama di Patani bertajuk “Penyelewengan Jamaah Dar al-Arqam dan Usaha Pemurniannya”. Pada umumnya, beliau membincangkan tentang sejarah perkembangan dan kepercayaan masyarakat Melayu Patani. Dalam tesis tersebut beliau menjelaskan tentang kemasukan dan perkembangan Islam di Patani pada peringkat awal serta menyebut tentang peranan ulama dalam menyebarkan agama Islam di Patani dan institusi pengajian pondok, karya-karya ulama dan peranan Patani sebagai pusat penyebaran agama Islam.²⁰

Pada tahun 2004, Muhammad Lazim Lawi membuat kajian tentang sejarah Sheikh Ahmad al-Patani yang bertajuk “Sheikh Ahmad al-Patani dan Sumbangannya Kepada Khazanah Tamadun Islam di Nusantara.” Kajian beliau pada umumnya membincangkan tentang sejarah Sheikh Ahmad al-Patani dan sumbangannya kepada khazanah tamadun Islam di Nusantara dan peranan beliau dalam pembangunan tamadun Islam di Nusantara. Beliau banyak memfokuskan tentang riwayat hidup Sheikh Ahmad dan sumbangannya.²¹ Berdasarkan dua kajian yang dijalankan oleh Muhammad Lazim, didapati bahawa beliau juga tidak menyentuh mengenai organisasi-organisasi dakwah di Patani dari sudut metode pelaksanaan dakwah.

6) Kajian oleh Hasan Madman dalam tesis beliau bertajuk “*Traditional Muslim Institutions in Southern Thailand: A Critical Study of Islamic Education and Arabic Influence in the Pondok and Madrasah Systems of Pattani*” pula lebih memfokuskan

²⁰ Muhammad Lazim Lawi (1999) Penyelewengan jamaah dar al-Arqam dan usaha pemurniannya. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia. Hlm. 301-302.

²¹ Muhammad Lazim Lawi (2004) Syeikh Ahmad al-Patani dan sumbangan kepada khazanah tamadun ilmu Islam di nusantara. Tesis, Fakulti Pengajian Islam, Yala Islamic University. Hlm. 97-98.

tentang masalah pendidikan tradisional di Patani, khususnya pendidikan pondok dan madrasah serta menonjolkan nama-nama ulama termasyhur yang berjasa dan menghasilkan karya-karyanya dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Di samping itu, beliau juga menjelaskan tentang polisi kerajaan Thai dalam melakukan perubahan terhadap sistem pendidikan pondok kepada sekolah.²²

7) Selain itu, kajian yang berikutnya dilakukan oleh Faisol Haji Awang yang telah membuat kajian peringkat Ijazah Sarjana di Universiti Prince of Songkhla Pattani pada tahun 1999 tentang konsep *fiqh* Syeikh Daud al-Patani yang bertajuk “*Sheikh Daud al- Fatani’s Concept of Faith*”. Kajian beliau adalah berkaitan dengan aqidah umum salaf dan kepentingan kepercayaan kepada Allah. Beliau cuba mengupas pandangan Sheikh Daud al-Patani terhadap *manhaj* falsafah, perbandingan terhadap pengajaran yang asli (iaitu al-Quran dan Sunnah) dengan kitab *tauhid khalaq* dan perbezaan antara pemikiran *salaf* dan *khalaq*. Beliau banyak memfokuskan tentang falsafah, bukan karya-karya dan sumbangan ulama dari sudut penulisan sebagai kegiatan organisasi-organisasi dakwah dari sudut metode pelaksanaan dakwah di Selatan Thailand.²³

²² Hasan Madmarn (2001) Pondok dan madrasah di Pattani (tesis yang telah diterbitkan). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 207-216.

²³ Faisol Haji Awang (1999), *Sheikh Daud al- Fatani’s concept of faith*. Thesis, Faculty of Islamic Studies, Prince of Songkhla University, Pattani. P. 201.

1.6.2 Kajian tentang tamadun Islam

Di antara kajian tentang tamadun Islam terdapat kajian tentang sejarah dan tamadun Islam sebagai berikut :

- 1) Kajian pertama yang berjudul “Gerakan Islah di Patani (1970-1990M): Kajian Sejarah Perkembangan Pemikirannya” oleh Abdullah Hayeesaid (2001M). Dalam kajian ini, beliau banyak menumpukan kepada sejarah perkembangan dan pemikiran dalam masyarakat Selatan Thailand. Beliau menitik berat tentang perkembangan dan pemikiran gerakan Islah dalam dakwah Islamiah di Selatan Thailand. Beliau juga ada menyebut tentang kefahaman keagamaan orang Melayu Patani, kemunculan gerakan Islah di dunia Islam, dan aliran dan pemikiran serta asal usul Muslim di Thailand termasuk peranan tokoh-tokoh ulama dan sumbangan mereka dalam peranan organisasi-organisasi Islah dan sumbangannya.²⁴ Walau bagaimanapun, dalam kajian beliau yang berkaitan dakwah di Patani itu, beliau tidak menyentuh tentang organisasi-organisasi dakwah dari sudut metode pelaksanaan dakwah.
- 2) Kajian yang seterusnya pula dilakukan oleh Adnan Suemae (2005M) yang telah membuat kajian tentang sumbangan Sheikh Wan Ahmad bin Muhammad Zin al- Patani pada tahun 2005, tesis falsafah kedoktoran beliau bertajuk “*al-Sheikh Wan Ahmad Bin Muhammad Zīn al-Fatānī Wa Juhuduh Fī al-Lughah al- Arābiyah*”. Dalam tesis tersebut, beliau membentangkan sejarah Patani pada zaman dahulu dan sekarang, riwayat hidup Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zin al-Fatani, *rihlah* menuntut ilmu agama, dan suasana ilmu, masyarakat dan politik. Beliau juga

²⁴ Abdullah Hayeesaid (2001) Gerakan Islah di Patani (1970-1990M): Kajian sejarah perkembangan pemikirannya. Tesis Sarjana, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Hlm. 256-264.

menceritakan tentang peranan Sheikh Ahmad dalam perkembangan ilmu bahasa Arab. Perkara yang disebut oleh beliau adalah berkaitan sejarah dan riwayat hidup Sheikh Ahmad dan sumbangan dari sudut keilmuannya dalam bahasa Arab sahaja²⁵. Walau bagaimanapun, kajian beliau tidak menganalisis tentang ilmu fiqh dan aqidah yang menjadi kaedah penting dalam melaksanakan dakwah yang berkaitan dengan organisasi-organisasi dakwah di Patani dari sudut metode sebagai pelaksanaan dakwah dalam kalangan masyarakat Selatan Thailand.

3) Kajian oleh Numan Hayi Masaee pula adalah berkaitan perjuangan dan sumbangan Haji Sulong Abdul Kadir dalam masyarakat Selatan Thailand dengan tesis berjudul “Haji Sulong Abdul Kadir (1985-1994M): Perjuangan dan Sumbangan Beliau kepada Masyarakat Melayu Patani”. Kajian beliau menitik berat tentang perjuangan dan politik Haji Sulong di Selatan Thailand termasuk pengaruh perjuangan Haji Sulong Abdul Kadir dan perkembangan awal politik di Selatan Thailand.²⁶

4) Walau bagaimanapun, kedua-dua tesis iaitu “Haji Sulong Abdul Kadir (1985-1994M): Perjuangan dan Sumbangan Beliau kepada Masyarakat Melayu Patani” dan “Deradikalisaasi Minoriti Dissent: Kes Kajian Pergerakan Umat Islam Patani di Selatan Thailand 1980-1994” tidak dikaitkan dengan kegiatan organisasi-organisasi dakwah dari sudut metode pelaksanaan dakwah di Selatan Thailand. Kajian ini hanya memfokuskan tentang masalah politik.

²⁵ Adnan Suemae (2005) Al-Sheikh Wan Ahmad Bin Muhammad Zin al-Fatani Wa Juhuduh Fi al-Lughah al- Arabiah. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 317-318.

²⁶ Nukman Hayi Masaee (2002) Haji Sulung Abdul Kadir (1895-1954): Perjuangan dan sumbangan beliau kepada masyarakat Melayu Patani. Tesis Sarjana, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Hlm. 217-232.

5) Kajian seterusnya dilakukan oleh Muhamatsakri Manyunu yang telah membuat kajian di peringkat Doktor Falsafah tentang pendidikan Islam di Patani bertajuk “Perubahan Kurikulum Pendidikan Islam di Sekolah Agama Rakyat di Selatan Thai (1961-2003M).” Tesis beliau menunjukkan bahawa semua faktor berkaitan perubahan kurikulum pendidikan Islam pada keseluruhannya, undang-undang dan pelan pendidikan merupakan faktor yang paling berpotensi dan mempengaruhi perubahan kurikulum pendidikan Islam di sekolah agama rakyat di Selatan Thailand. Bersamaan itu, aspek sosiobudaya dan sistem pendidikan awam juga merupakan faktor yang amat berpotensi dan mempengaruhi kurikulum pendidikan tersebut. Pada pendapat beliau, sosioekonomi merupakan faktor yang paling kurang berpotensi dan mempengaruhi perubahan kurikulum. Hasil kajian ini membawa implikasi yang penting kepada kehidupan masyarakat Islam Selatan Thailand amnya dan kepada pendidikan Islam di sekolah agama rakyat khasnya jika sekiranya ia dapat dijadikan panduan kepada pihak sekolah dan perancang kurikulum di Selatan Thailand. Menurut beliau, masyarakat setempat seharusnya peka dengan implikasi daripada perubahan kurikulum pendidikan Islam, sama ada yang positif ataupun negatif. Pada masa yang sama, sektor kerajaan dan swasta perlu berganding bahu bagi menentukan arah tuju pendidikan Islam di sekolah agama rakyat, agar perubahan itu dapat memajukan pendidikan di sekolah agama rakyat dan selari pula dengan kehendak masyarakat setempat.²⁷

6) Seterusnya, terdapat kajian oleh Azman Tae Ali (2004M) yang telah membuat kajian tentang metodologi fiqh dalam tesis bertajuk “*The Writing Method*

²⁷ Muhamatsakri Manyunu (2007) Perubahan kurikulum Pendidikan Islam di Sekolah Agama Rakyat di Selatan Thai (1961-2003M). Tesis, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Hlm. 356-357.

on Fiqh of Sheikh Muhammad Bin Ismail al- Daudi al- Fatani in Matla' al-Badrayn." Tesis beliau memfokuskan tentang sumbangan Sheikh Muhammad bin Ismail al-Daudi berkaitan ilmu *fiqh* di kalangan masyarakat Patani dahulu dan sekarang. Beliau membincangkan tentang kemunculan ilmu *fiqh* di Patani, riwayat hidup Sheikh Muhammad bin Ismail al-Daudi dan hasil ilmu beliau terhadap masyarakat Patani. Azman menganalisis karya Muhammad bin Ismail al-Daudi dan buku *Matla' al-Badrayn* tentang penyebab dan isi kandungannya serta sejarah Sheikh Daud dan peranannya dalam penulisan kitab *Mutla' al-Badrayn*.²⁸

1.6.3 Kajian tentang Politik

Pada tahun 1997, Ahmad Omar Chapakia membuat kajian tentang Islam di Patani dengan tesis bertajuk "1932-1994M". Kajian beliau lebih memfokuskan kepada aspek politik. Beliau menjelaskan tentang polisi kerajaan Thai terhadap masyarakat Islam di Selatan Thailand serta menjelaskan tentang reaksi masyarakat Islam terhadap polisi kerajaan Thai pada 1932-1994M. Beliau turut memperihalkan tentang suasana umum masyarakat Islam dari sudut agama, pendidikan, ekonomi dan kepimpinan umat Islam dalam masyarakat Melayu di Selatan Thailand dengan menyentuhkan peranan dan sumbangan ulama tradisi di wilayah Selatan Thailand.²⁹

Pada tahun 1998, Suria Saniwa bin Wan Mahmood pula membuat kajian tentang "Deradikalasi Minoriti Dissent: Kes Kajian Pergerakan Umat Islam Patani

²⁸ Azman Tae Ali (2004) The writing method on fiqh of Sheikh Muhammad Bin Ismail al- Daudi al- Fatani in Matla' al-Badrayn. Thesis, Faculty of Islamic Studies, Prince of Songkhla University, Pattani. P. 200.

²⁹ Ahmad Omar Chapakia (2000) Politik Thai dan masyarakat Islam di Selatan Thailand. Kedah Dar al-Aman: Pustaka Darussalam. Hlm. 301-309.